

Teks Ucapan Aluan
YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof
Menteri Kerja Raya

Sempena Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia
dan Majlis Menandatangani Aku Janji *Construction Industry*
Transformation Programme (CITP) oleh Penggiat Industri
Pembinaan Sabah 2016

5 September 2016 (Isnin)

Grand Ballroom, The Pacific Sutera Harbour
Kota Kinabalu, Sabah

Salutations

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa.

2. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T
kerana dengan limpah dan berkat kurnia-Nya dapat kita
bersama-sama berkumpul pada hari ini sempena Majlis
Graduasi Akademi Binaan Malaysia dan Majlis
Menandatangani Aku Janji *Construction Industry*
Transformation Programme (CITP) Oleh Penggiat Industri
Pembinaan Sabah 2016.

3. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi
penghargaan kepada YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji

Aman yang sudi bersama-sama kita pada hari ini untuk menyampaikan anugerah kepada para pelatih cemerlang dan seterusnya menyaksikan Majlis Menandatangani Aku Janji *Construction Industry Transformation Program* (CITP) oleh Penggiat Industri Pembinaan Negeri Sabah.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Pada 10 September 2015, Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah melancarkan Program Transformasi Industri Pembinaan atau *Construction Industry Transformation Programme* (CITP). CITP yang merupakan program komprehensif 5 tahun untuk mentransformasikan industri pembinaan dari 2016 hingga 2020 telah dibangunkan dengan kerjasama Kementerian-kementerian Pusat, agensi-agensi Kerajaan dan penggiat industri pembinaan. Program ini adalah sebahagian dari Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11) di bawah Bab 8: Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran iaitu Bidang Fokus D: Mentransformasikan sektor pembinaan.

5. CITP dijangka akan mentransformasikan industri pembinaan ke arah industri yang lebih produktif, mampan, selamat, berkualiti, profesional dan berdaya saing di peringkat

antarabangsa melalui 4 teras utama iaitu:

- i) Kualiti, keselamatan dan Profesionalisme;
- ii) Kemampanan Alam Sekitar;
- iii) Produktiviti; dan
- iv) Pengantarabangsaan.

6. Kesan positif transformasi industri ini akan dapat dilihat dengan peningkatan prestasi industri pembinaan terutama dalam pelaksanaan projek-projek infrastruktur mega yang dirancang di bawah RMK-1, seperti Lebuhraya Pan Borneo.

7. Antara pencapaian yang di sasarkan melalui CITP adalah peningkatan produktiviti sebanyak dua setengah kali ganda, yang bersamaan dengan nilai USD16,500 bagi setiap pekerja. Ini memerlukan pelaburan yang berterusan dalam pembangunan modal insan, meningkatkan kawalan dan keseimbangan bekalan tenaga kerja mahir, menggiatkan penggunaan kaedah pembinaan yang moden seperti *Industrialised Building System* (IBS) dan *Building Information Modelling* (BIM). Peningkatan produktiviti yang didorong oleh tahap kemahiran pekerja yang lebih tinggi dalam industri pembinaan ini diharap akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekerja-pekerja mahir tempatan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Tujuan penubuhan Akademi Binaan Malaysia (ABM) adalah untuk melahirkan pekerja mahir dalam industri pembinaan. Sejak tahun 2010, sehingga kini enam (6) cawangan ABM di seluruh negara telah melatih seramai 253,247 belia dan pekerja mahir di dalam industri pembinaan. Di ABM Wilayah Sabah, sehingga kini jumlah belia dan pekerja binaan yang telah dilatih adalah seramai 57,430 orang.

9. ABM telah menyediakan pelbagai latihan dan kursus yang berimpak tinggi selaras dengan permintaan industri dalam meningkatkan kompetensi tenaga kerja tempatan. Ia adalah sejajar dengan hala tuju Kerajaan ke arah mekanisasi industri pembinaan dan penggunaan tenaga kerja mahir dalam semua industri di negara kita. Pada hari ini, kita akan meraikan seramai 150 orang belia dari seluruh negeri Sabah yang telah tamat latihan di dalam pelbagai bidang di ABM. Kesemua mereka ini telah menamatkan latihan dalam bidang berimpak tinggi termasuk operasi jentera, pengimpalan dan “blasting and painting.”

10. Untuk memastikan pekerja mahir yang dilahirkan ABM kekal relevan dalam industri pembinaan, modul dan kaedah latihan telah ditambah baik, seperti penggunaan simulator dalam latihan operasi jentera tolak tanah atau *excavator*. Selain

itu, ABM juga bekerjasama dengan lebih daripada 100 rakan industri bagi menawarkan latihan-latihan yang relevan kepada keperluan industri dan juga menempatkan peserta yang telah tamat latihan untuk menjalani latihan praktikal di syarikat-syarikat industri pembinaan yang sesuai.

KOLABORASI BERSAMA INDUSTRI

Para hadirin yang dihormati sekalian,

11. Bagi memastikan aspek latihan kemahiran binaan di ABM sentiasa relevan dengan permintaan pasaran modal insan semasa, CIDB melalui anak syarikatnya CIDB Holdings Sdn. Bhd. giat melaksanakan program jalinan industri atau *Industry Engagement Program* manakala ABM pula akan menjalin kolaborasi bersama rakan industri iaitu program *Train the Trainers*, *The Apprenticeship Programme* dan *Entrepreneurship* bagi menzahirkan tema ABM iaitu “Kemahiran Untuk Kerjaya”.

12. Kerjasama dan kolaborasi industri adalah sangat penting bukan sahaja dalam bidang latihan dan kemahiran tetapi ia berkait rapat dalam semua aspek pembangunan industri pembinaan. Selaras dengan *tagline* CITP iaitu “Bersama Memacu Kecemerlangan Industri Pembinaan” atau “*Driving*

Construction Excellence Together”, pada hari ini kita dapat melihat komitmen dan sokongan yang sangat menggalakkan daripada penggiat industri pembinaan Sabah untuk pelaksanaan CITP.

13. Sehingga hari ini sebanyak 155 Aku Janji CITP telah ditandatangani di seluruh negara. Kita juga akan melihat seramai 76 penggerak industri pembinaan di negeri Sabah menandatangani sejumlah Aku Janji CITP sebentar lagi. Ini menjadikan 231 Aku Janji CITP yang telah ditandatangani setakat ini.

14. Untuk makluman para hadirin sekalian, Aku Janji CITP di Sabah merupakan jumlah yang paling tinggi setakat hari di peringkat negeri. Syabas kepada semua yang terlibat.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Menteri Sabah YAB Datuk Seri Panglima Musa bin Haji Aman kerana meluangkan masa untuk bersama kita di dalam majlis ini.

Wabilahitaufik walhidayahh wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.